



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## SIGNIFIKASI HUBUNGAN ETNIK RENTAS AGAMA DAN BUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)

*SIGNIFICANCE OF CROSS-RELIGIOUS AND CROSS-CULTURAL ETHNIC  
RELATIONSHIP AMONG STUDENTS IN THE ACHIEVEMENT OF SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT GOALS (SDGs)*

Habibah @ Artini Ramlie<sup>1\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>2</sup>, Mohd. Sohaimi Esa<sup>3</sup>, Jamsari Hashim<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: habibah\_artini@ums.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: jamsari@ums.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 31.12.2021

Revised date: 25.01.2022

Accepted date: 28.02.2022

Published date: 15.03.2022

#### To cite this document:

Ramlie, H., Mokhtar, S., Esa, M. S., & Hahim, J. (2022). Signifikasi Hubungan Etnik Rentas Agama dan Budaya dalam Kalangan Pelajar Ke Arah Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 01-17.

DOI: 10.35631/IJEPC.745001

### Abstrak:

*Sustainable Development Goals (SDGs) atau Matlamat Pembangunan Mampan dilancarkan dalam Perhimpunan Agung PBB pada tahun 2015. Tujuannya adalah untuk mencapai pembangunan mampan bersifat holistik menjelang tahun 2030 ke arah kesejahteraan masyarakat global. Prinsip SDGs adalah ‘Leave No One Behind’ dengan 17 matlamat utama. SDGs penting untuk dilaksanakan kerana ia berpaksikan hak-hak asasi manusia yang menjurus kepada pembangunan sosial, ekonomi dan persekitaran. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan kaitan secara umum di antara dua matlamat SDGs iaitu matlamat pendidikan (matlamat ke-4) dan matlamat keamanan (matlamat ke-16) dengan aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar. Penelitian adalah secara kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan beberapa penulisan dan kajian berkaitan. Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau pengalaman interaksi pelajar di sekolah dalam aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya menggunakan kaedah kuantitatif. Data dianalisis dengan teknik SPSS terhadap soal selidik yang dijawab oleh 207 orang peserta kajian bagi membolehkan pengkaji memahami dengan lebih mendalam terhadap isu yang dikaji. Dengan adanya kajian ini, satu penelitian awal terhadap signifikasi hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar di sekolah dapat dihasilkan menerusi*

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



usaha mengetengahkan kepentingan kesepadan antara aspek pendidikan dan keharmonian hubungan etnik rentas agama dan budaya pada peringkat persekolahan ke arah mencapai matlamat SDGs.

### Kata Kunci:

Matlamat Pembangunan Mampan, Agama, Budaya, Hubungan Etnik, Pelajar, Sekolah

### Abstract:

Sustainable Development Goals (SDGs) or *Matlamat Pembangunan Mampan* was launched by the United Nations General Assembly in 2015 with the aim of achieving holistic sustainable development by 2030 for the harmony and prosperity of the global community. The SDGs' principle of 'Leave No One Behind' with 17 main goals revolves around the importance of human rights pertaining to social development, economy and the environment. The purpose of this study was to discuss the general relationship between two SGDs – education goal (4<sup>th</sup> goal) and peace goal (16<sup>th</sup> goal) – and the aspect of cross-religious and cross-cultural ethnic relationship among students. This qualitative examination utilised the method of content analysis of several related writings and research. This study also sought to explore the interaction experiences of students in schools in the aspect of cross-religious and cross-cultural ethnic relationship utilised the method of quantitative. Data was analysed using the SPSS technique on 207 research respondents' responses to questionnaires. This was to enable the researchers acquire in-depth understanding of the issues under examination. With this study, a preliminary observation on the significance of cross-religious and cross-cultural ethnic relationship among students could be produced to highlight the importance of integration between the aspects of education and cross-religious and cross-cultural ethnic relationship at the school level towards the attainment of Sustainable Development Goals.

### Keywords:

Sustainable Development Goals, Religious, Culture, Ethnic Relationship, Student, School

## Pengenalan

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mewar-warkan bahawa tahun 2000 hingga tahun 2015 adalah tempoh untuk mencapai *Millenium Development Goals* (MDGs). Seterusnya *Sustainable Development Goals* (SDGs) atau Matlamat Pembangunan Mampan dilancarkan dalam Perhimpunan Agung PBB pada tahun 2015 untuk memastikan semua negara anggota merangka pelan pembangunan masing-masing dengan mengambil kira pelbagai aspek. SDGs adalah satu rangka kerja yang dipersetujui untuk pembangunan di peringkat antarabangsa dan merupakan rentetan daripada MDGs. Ia dipersetujui oleh kesemua 193 buah negara anggota PBB bagi mencapai masa depan yang lebih mampan menjelang tahun 2030. Agenda SDGs adalah lebih meluas berbanding MDGs kerana mencakupi aspek pembangunan dan kelestarian serta aspirasi kebanyakan negara anggota yang mahukan masyarakat aman dan inklusif. Hal ini kerana SDGs menekankan matlamat 'Leave No One Behind' dalam menangani cabaran global dengan penekanan terhadap 17 matlamat teras (United Nation, 2021).

## SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



Rajah 1: Sustainable Development Goals (SDGs)

Sumber: United Nation (2021)

### Latar Belakang Kajian

SDGs yang diperkenalkan bertujuan menjamin semua pihak mendapat manfaat daripada pembangunan berdaya tahan berdasarkan hak-hak asasi manusia yang menjurus kepada aspek sosial, keseimbangan ekonomi dan persekitaran. Matlamat teras SDGs adalah seperti yang terkandung dalam Rajah 1 dan Jadual 1.

Jadual 1: Matlamat Utama dalam Sustainable Development Goals (SDGs)

No	Matlamat
1	Sifar kemiskinan
2	Sifar kelaparan
3	Kesihatan dan kehidupan yang baik
4	Pendidikan berkualiti
5	Kesaksamaan gender
6	Air bersih dan sanitasi
7	Tenaga mampu milik dan bersih
8	Pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi
9	Industri, inovasi dan infrastuktur
10	Mengurangkan ketidakadilan
11	Bandar dan komuniti mampan
12	Pengeluaran dan penggunaan bertanggungjawab
13	Tindakan iklim
14	Hidupan air
15	Hidupan di atas tanah
16	Keamanan, keadilan dan institusi yang kuat
17	Kerjasama untuk mencapai matlamat

Sumber: United Nation (2021)

Malaysia merupakan antara negara terawal menyatakan persetujuan untuk bekerjasama dan menyokong agenda SDGs selepas ia dilancarkan. SDGs yang merangkumi 17 matlamat, 169 target dan 247 indikator pelaksanaan dilaksanakan oleh semua pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, masyarakat sivil dan individu. SDGs penting kepada Malaysia kerana matlamat pembangunan mampan merupakan satu agenda penting pembangunan yang dapat memenuhi keperluan pada masa kini tanpa menjaskan keperluan pada masa hadapan (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia, 2020).

Daripada 17 matlamat SDGs yang ingin dicapai, terdapat dua matlamat SDGs yang relevan dengan aspek pendidikan dan keamanan iaitu matlamat ke-4 dan matlamat ke-16. Matlamat berkaitan pendidikan umumnya terselerak dalam kesemua 17 matlamat SDGs. Seperti yang diketahui, tujuan umum pendidikan adalah untuk mencipta masa hadapan yang lebih baik untuk generasi masa hadapan. Walaupun matlamat ke-4 dalam SDGs kelihatan lebih memfokuskan kepada masalah kecinciran dan kemahiran pelajar, namun matlamat pendidikan global juga memberikan tumpuan kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira, pendidikan alam sekitar, pengetahuan, kemahiran dan program untuk membasmi kemiskinan serta belajar membuat keputusan untuk kebaikan masyarakat (UNESCO, 2021).

**Jadual 2: Matlamat Pendidikan Global**

No	Matlamat
1	Kemahiran membaca, menulis dan mengira
2	Pendidikan alam sekitar
3	Pengetahuan, kemahiran dan program untuk membasmi kemiskinan
4	Belajar membuat keputusan untuk kebaikan masyarakat.

Sumber: UNESCO (2021)

Matlamat pendidikan global yang ke-4 iaitu belajar membuat keputusan untuk kebaikan masyarakat mempunyai korelasi dengan aspek ke-16 iaitu aspek kemanan termasuklah keamanan dalam negara serta keamanan global. Hal ini kerana sebarang tindak individu akan mempengaruhi ksejahteraan pembangunan dan keamanan sesebuah masyarakat. Justeru dalam konteks Malaysia, fokus kepada pendidikan perlu bersepada dengan aspek kemanan serta keharmonian hubungan etnik rentas agama dan budaya di peringkat persekolahan agar ia selari dan tidak jauh terpesong dengan matlamat serta hasrat SDGs.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan kajian menjurus kepada :

1. Adakah terdapat kaitan secara umum di antara dua matlamat SDGs iaitu aspek pendidikan (matlamat ke-4) dan aspek keamanan (matlamat ke-16) dengan aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar?
2. Sejauhmanakah pengalaman interaksi pelajar di sekolah dalam aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya?

### **Objektif Kajian**

1. Membincangkan kaitan secara umum di antara dua matlamat SDGs iaitu aspek pendidikan (matlamat ke-4) dan aspek keamanan (matlamat ke-16) dengan aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar.
2. Meninjau pengalaman interaksi pelajar di sekolah dalam aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya.

## Sorotan Literatur

### **Aspek Keharmonian Dan Kemanan Dalam Hubungan Etnik Rentas Agama Dan Budaya**

Keamanan merupakan aset yang sangat bernilai dalam usaha menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam sesebuah negara. Menerusi kemanan yang wujud, masyarakat sesebuah negara akan mampu menjayakan peranan serta tanggungjawab masing-masing dengan sempurna ke arah mencapai kemajuan negara. Malaysia adalah sebuah negara pelbagai etnik sama ada di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang menjalankan aktiviti harian secara bersama dengan mengamalkan budaya serta ajaran agama masing-masing. Kepelbagaiannya kaum di Malaysia memerlukan satu bentuk hubungan etnik yang harmoni demi menjamin perpaduan negara. Keharmonian hubungan etnik yang dimaksudkan seharusnya merentasi agama dan budaya tanpa menyentuh sensitiviti mana-mana pihak dengan melihatnya dari sudut fungsi agama dan budaya itu sendiri yang menyeru kepada keamanan, perdamaian dan keharmonian.

Namun selepas kehangatan pilihanraya ke-14, Malaysia masih dalam usaha memformulasikan pendekatan terbaik untuk membentuk satu acuan hubungan etnik yang harmoni. Hal ini kerana sesetengah pihak menyifatkan situasi pasca pilihanraya ke-14 telah membuka ruang kepada pihak-pihak berkepentingan untuk menyemarakkan isu-isu panas melibatkan hubungan antara etnik. Sensitiviti kaum terutama yang melibatkan agama, budaya dan cara hidup disensasikan secara meluas sehingga menguris emosi pihak-pihak tertentu. Antara contoh isu sensitif yang sering disebarluaskan pada masa kini adalah isu 3R iaitu perkauman (*race*), agama (*religion*) dan institusi diraja (*royalty*). Ia dilihat sengaja dicetuskan dan ditularkan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab dengan tujuan menimbulkan rasa marah dan melaga-lagakan antara kaum. Isu-isu yang sering dibangkitkan dalam hubungan etnik di Malaysia turut berkisar kepada ketaksuban etnik masing-masing iaitu tentang unsur-unsur etnosentrisme, stereotaip, prejudis dan diskriminasi (Wan Zulkifli, 2021). Terdapat juga segelintir rakyat Malaysia yang bersikap eksklusif dalam pergaulan harian mereka lalu menjadikan sikap prejudis, stereotaip dan syak wasangka sentiasa mendominasi hubungan antara kaum. Lebih menghamparkan, sebahagian besar masyarakat bukan Bumiputera masih berpendapat bahawa sistem politik dan sosial yang wujud kini kurang memberi keadilan kepada kepentingan mereka, seperti mana juga sebahagian masyarakat Bumiputera masih meragui kejujuran golongan tertentu di kalangan masyarakat bukan Bumiputera khususnya dalam bidang perniagaan (Siti Noor Atikah & rakan-rakan, 2021). Jika dibiarkan, perkara ini pastinya akan menggugat usaha berterusan kerajaan untuk menyuburkan semangat keharmonian dan persefahaman anatara satu sama lain.

Perlu ditekankan bahawa nikmat keamanan dan keharmonian yang telah dikecapi sekarang seharusnya perlu terus dipelihara sehingga ke generasi yang akan datang. Situasi positif ini perlu kekal dan sudah tentu usaha mencapai kemanan dan keharmonian bermula di peringkat kelompok masyarakat dan penempatan kejiranannya (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia, 2020). Apa yang lebih mustahak adalah ia juga perlu bermula di peringkat persekolahan. Pentingnya penekanan ini kerana masyarakat yang hidup dengan harmoni dan sejahtera akhirnya akan memberi kesan negara yang aman. Sekiranya semua negara di dunia ini aman dan harmoni, maka hubungan antarabangsa dan global juga secara tidak langsung akan tenang, harmoni dan aman. Oleh itu, bagi mendapatkan keamanan dunia, ia bermula dengan keamanan diri individu yang boleh diperoleh dengan menghayati nilai-nilai akhlak mulia (Faezy & Asmak, 2020). Ini termasuklah mengekalkan keamanan dan keharmonian antara sesama sendiri dalam konteks hubungan etnik serta pengalaman interaksi di sekolah.

### ***Cabaran Hubungan Etnik Rentas Agama Dan Budaya Dalam Kalangan Pelajar Ke Arah Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)***

Hubungan etnik adalah platform untuk memperkasakan dasar pendidikan negara dalam konteks kesatuan nasional, kestabilan politik serta pembangunan negara (Nor Shela & rakan-rakan, 2019). Sebagai salah satu entiti pendidikan yang paling berpengaruh dalam kehidupan sehari-hari pelajar peringkat rendah dan menengah, sekolah dan persekitarannya memainkan peranan yang besar dalam usaha membentuk hubungan etnik tersebut (Nur Ayuni & Amir, 2019). Hal ini kerana pelajar menghabiskan separuh dari masa sehari-hari dengan berada di sekolah bersama para guru dan rakan-rakan persekolahan meskipun selepas pandemik, keadaan ini telah sedikit sebanyak mengalami perubahan.

Namun begitu, dalam konteks hubungan etnik, masalah serta cabaran yang berlaku akibat ketegangan, kesalahfahaman dan kekangan sememangnya tidak dapat dielakkan (Nor Shela & rakan-rakan, 2019). Di sekolah, antara bentuk cabaran yang tercetus dalam usaha membentuk hubungan etnik rentas agama dan budaya yang berkesan adalah wujudnya rasa prasangka dalam kalangan pelajar (Nor Shela & rakan-rakan, 2019, Suresh Kumar, 2017). Prasangka adalah sikap permusuhan bersifat tidak rasional yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap satu kelompok etnik. Situasi ini berlaku jika seseorang mempunyai pengalaman negatif dengan individu lain berlainan etnik (Nor Shela & rakan-rakan, 2019). Ia juga berlaku kesan dari persepsi negatif yang dibentuk akibat sejarah dan pengalaman lalu, salah faham, sentiasa berfikiran negatif kepada orang lain, stereotaip serta kadar kesedaran yang rendah (Muhammad Nazmi & Jaffary, 2016). Pelajar di sekolah datang dari pelbagai latar belakang yang berbeza-beza dan situasi ini boleh menyebabkan wujudnya konflik tersebut (Adlina & rakan-rakan, 2018).

Cabaran lain adalah masalah etnosentrisme apabila timbul kepercayaan dan rasa bangga diri bahawa etnik dan budaya seseorang lebih baik dari kelompok etnik lain. Sikap ini menyebabkan sekelompok pelajar merasakan bahawa mereka perlu dihormati dan diikuti oleh pelajar etnik lain (Nor Shela & rakan-rakan, 2019) lalu menjadikan mereka lebih suka bergaul dalam kelompok etnik masing-masing (Najeemah, 2006, 2012; Mohd. Radzi, 2012; Suresh Kumar, 2017; Suresh Kumar & Puvaneswary, 2017). Kecenderungan sebegini akan membantutkan usaha membentuk perpaduan kaum dalam jangka masa panjang. Sikap prejedis dan etnosentrisme dalam kalangan pelajar juga umpsama ‘api dalam sekam’ kerana ia memberi kesan yang besar ke atas pembentukan hubungan etnik merentasi agama dan budaya di samping menjadikan pelajar belajar dalam persekitaran yang penuh konflik dan syak wasangka antara satu sama lain (Suresh Kumar, 2017).

Hubungan etnik dalam kalangan pelajar berasaskan interaksi sosial dibincangkan oleh Najeemah (2012) dalam kajian tentang interaksi sosial pelajar pelbagai etnik di Sekolah-sekolah Wawasan di Malaysia. Sampel kajian melibatkan seramai 642 orang pelajar dari etnik Melayu, Cina dan India. Dapatan kajian menunjukkan terdapat jurang sosial yang tinggi antara pelajar pelbagai etnik di sekolah yang memerlukan usaha jitu untuk memahami interaksi sosial antara kaum khususnya di sekolah. Kajian oleh Suresh Kumar dan Puvaneswary (2017) ke atas 89 orang pelajar di salah sebuah Sekolah Wawasan juga menunjukkan dapatan serupa kerana majoriti pelajar didapati lebih cenderung berinteraksi dengan pelajar dari etnik yang sama berbanding dengan pelajar berlainan etnik. Kajian oleh Mohd Radzi (2012) melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisa dokumen terhadap para pelajar dan guru-guru di sekolah-

sekolah menengah kebangsaan turut mendapati pelajar cenderung bergaul dengan etnik yang sama walaupun berada dalam persekitaran multietnik. Interaksi lisan dalam kalangan pelajar berbeza etnik tidak berlaku dengan kerap dan hanya terjadi apabila adanya keperluan, misalnya semasa pembelajaran di kelas sahaja. Polarisasi berlaku secara berterusan kerana pelajar menerima keadaan itu sebagai suatu kebiasaan.

Dalam skala yang lebih besar, Abu Bakar, Norlidah dan Saedah (2013) menjalankan kajian ke atas seramai 1720 pelajar pelbagai etnik di Semenanjung Malaysia meliputi Sabah dan Sarawak bertujuan untuk memahami interaksi antara pelajar sekolah menengah pelbagai etnik. Dapatkan menunjukkan pelajar Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak lebih cenderung memilih model integrasi asimilasi dalam interaksi sosial mereka. Ini kerana mereka merasakan budaya kaum bumiputera adalah dominan dan semua etnik bukan bumiputera perlu menerimanya. Berbeza dengan pelajar bukan bumiputera, mereka lebih cenderung memilih model integrasi '*multiple identities*' berbanding model integrasi asimilasi kerena tidak semua identiti etnik mereka dihapuskan. Perkara ini adalah tidak mustahil kerana faktor kekuatan ikatan sesama etnik. Hal ini dibuktikan dalam kajian Suresh Kumar (2015) yang mendapat pembentukan jarak sosial pelajar berlainan etnik di persekitaran bilik darjah lebih ditentukan oleh kekuatan pola persahabatan mengikut etnik masing-masing. Ia turut dipengaruhi oleh perbezaan latar belakang pelajar, faktor pemisahan fizikal, nilai syak wasangka, tahap kepercayaan terhadap etnik lain, persekitaran asuhan dan pengaruh didikan yang diterima. Situasi ini mewujudkan sikap pergantungan yang tinggi, memberi ruang keselesaan dalam interaksi dan pergaulan pelajar dalam kumpulan etnik yang sama, menguatkan nilai persamaan dan semangat bersatu-padu dalam kalangan lingkungan etnik yang sama; yang akhirnya membezakan kumpulan pelajar ini dengan kumpulan pelajar lain yang berlainan etnik.

Kajian selanjutnya dijalankan oleh Noor Insyirah (2015) yang melihat bentuk interaksi, faktor mempengaruhi interaksi dan strategi yang digunakan oleh sekolah dalam meningkatkan interaksi pelajar. Terdapat lima bentuk interaksi sosial dikemukakan iaitu aspek kerjasama, timbal balik, persaingan, konflik dan komunikasi bukan lisan. Dapatkan kajian menunjukkan faktor dalaman dan luaran sekolah mempengaruhi interaksi pelajar berlainan etnik. Walaupun wujud konflik dan stereotaip, namun pelajar masih menunjukkan sikap untuk mempelajari budaya dan menerima perbezaan yang terdapat antara etnik. Dalam hal ini, kajian Adlina dan rakan-rakan (2018) menyatakan konflik kadangkala tercetus oleh perkara-perkara kecil seperti dendaan oleh pengawas yang berlainan etnik terhadap pelajar lain. Kajian Suresh Kumar (2017) yang meneroka implikasi budaya dan agama ke atas interaksi dalam kalangan pelajar merentasi etnik di persekitaran bilik darjah seterusnya mendapat bahawa perbezaan budaya dan agama adalah antara faktor yang mendorong pembentukan sikap prejudis dan stereotaip pada sesetengah pelajar yang menjelaskan interaksi antara pelajar berlainan etnik di bilik darjah.

Di luar negara, korelasi antara antara sikap negatif dan kesannya kepada hubungan etnik telah dibuktikan dalam kajian Smith (2009). Kajian berbentuk kualitatif yang dijalankan mendapati hubungan sesama etnik memberi banyak faedah dalam aspek pembelajaran, membantu dalam memahami budaya serta dapat meningkatkan penerimaan perbezaan antara etnik. Namun situasi berbeza berlaku dalam hubungan antara etnik kerana sikap prejudis menjadi penghalang dalam membentuk hubungan antara etnik yang berlainan. Dapatkan oleh Brockett dan rakan-rakan (2010) di sekolah menengah di Utara England turut menunjukkan adanya perkaitan antara sikap negatif (prejudis) dan hubungan etnik kerana sikap pelajar

terhadap etnik lain adalah positif dan neutral. ‘*Contact*’ yang baik akan menyebabkan tahap prejudis antara etnik berbeza dan berkurang. Maksudnya di sini, jika tahap kebimbangan antara etnik berbeza wujud, hubungan antara etnik akan terjejas. Kajian oleh Finchilescu (2010) melibatkan tiga etnik berbeza untuk melihat sama ada prejudis dan stereotaip menyebabkan wujudnya kebimbangan dalam hubungan pelajar berlainan etnik membuktikan perkara ini kerana stereotaip dan prejudis membimbangkan etnik lain dan seterusnya menghalang interaksi pelajar berlainan etnik.

Selain daripada sikap negatif, isu rasisme tidak dapat dielakkan dalam kalangan pelajar berlainan etnik sebagaimana dapatkan kajian oleh Hardie dan Tyson (2013) yang melibatkan pentadbir sekolah, guru serta pelajar. Dapatkan kajian mendapati tercetusnya konflik antara pelajar berlainan etnik dan isu perkauman berterusan di sekolah kerana berlakunya segregasi etnik di dalam kelas berdasarkan faktor pencapaian akademik dan pengasingan kedudukan mengikut etnik. Ia diburukkan lagi oleh sikap pelajar yang mempunyai kumpulan atau ‘klik’ mengikut etnik masing-masing. Bagaimanapun situasi yang dibincangkan sedikit berbeza dengan keadaan di London kerana kajian Bagci dan rakan-rakan (2014) di sekolah-sekolah menengah menunjukkan pelajar tidak menghadapi banyak masalah untuk berinteraksi bersama pelajar berlainan etnik.

Mengupas tentang peranan sekolah secara khusus dalam membentuk hubungan etnik, kajian oleh Yasmin dan Najeemah (2012), Noor Insyirah (2015), Suresh Kumar (2017) dan Adlina dan rakan-rakan (2018) menunjukkan sekolah berupaya menyediakan persekitaran yang memberangsangkan dalam membentuk hubungan etnik rentas agama dan budaya di kalangan pelajar berlainan etnik. Kajian juga dijalankan oleh Nur Ayuni Nusaibah dan Amir (2019) berkaitan peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan kaum di kalangan pelajar untuk mengenalpasti hubungan antara kaum di sekolah, mencerakinkan isu hubungan kaum, mengenalpasti langkah yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dan seterusnya melihat masalah dihadapi pihak sekolah dalam membentuk perpaduan kaum. Oleh kerana kajian menunjukkan hubungan antara kaum berada pada tahap tidak memberangsangkan, tidak bersifat mesra dan tidak rapat kerana pelajar lebih selesa untuk bergaul dan berinteraksi sesama etnik, maka persekitaran sekolah yang baik adalah amat perlu sebagai medium untuk membentuk perpaduan antara etnik (Adlina & rakan-rakan, 2018).

Menangani perkara ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merancang banyak program untuk memupuk perpaduan serta memenuhi keperluan toleransi etnik di kalangan pelajar selaras dengan prinsip Rukun Negara. Antaranya adalah seperti sambutan Hari Kemerdekaan peringkat sekolah, penubuhan Kelab Rukun Negara, Program Membudayakan Nilai Berterima Kasih, Pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan, Pelaksanaan Amalan Guru Penyayang dan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau RIMUP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020a). Program-program ini telah diberikan garis panduan tersendiri namun timbul beberapa masalah seperti program RIMUP yang berhadapan dengan cabaran tersendiri ekoran kelemahan pihak pengurusan, tempoh pelaksanaan yang singkat, perancangan aktiviti yang tidak banyak serta kekurangan penyertaan dari kalangan pelajar (Segawa, 2019). Oleh itu, para guru memainkan peranan utama sebagai agen sosialisasi yang paling ampuh dalam hal ini dengan menyemai kesedaran pelajar pada usia awal berhubung pentingnya aspek keharmonian dan perpaduan (Yong & Ku Hasnita, 2019, Suresh Kumar, 2017). Hal ini kerana corak hubungan etnik pada peringkat persekolahan akan berkesinambungan ke peringkat pengajian tinggi.

Dapatkan kajian Nazri dan rakan-rakan (2016) berkenaan persepsi pelajar universiti terhadap hubungan etnik juga telah membuktikan bahawa faktor-faktor etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah sangat mempengaruhi persepsi pelajar terhadap hubungan etnik di Malaysia. Faktor-faktor ini sangat signifikan dalam mewarnai hubungan etnik sesama pelajar kerana ia membangkitkan orientasi, nilai, sikap dan sosiologi budaya dalam sesebuah etnik. Justeru kajian Nor Shela dan rakan-rakan (2019) menekankan betapa pentingnya interaksi dan komunikasi yang baik sebagai salah satu bentuk amalan penyatuan etnik untuk membentuk kelompok masyarakat berpendidikan yang muafakat. Kekangan dan cabaran dalam pendidikan yang disebabkan oleh masalah etnik haruslah dielakkan sejak dari peringkat awal persekolahan serta pada masa yang sama dikaji secara sistematis dan terancang bagi membangunkan generasi yang bersatu-padu serta bertolak ansur. Hubungan etnik rentas agama dan budaya yang positif di sekolah akan menjana ruang positif dalam situasi yang lebih meluas apabila pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi serta menceburi bidang pekerjaan kelak dan begitulah juga sebaliknya. Ia turut menggambarkan situasi generasi Malaysia pada masa akan datang dalam usaha mengekalkan hubungan etnik sedia ada secara konsisten selaras dengan matlamat SDGs yang menekankan aspek kemanan dan keharmonian global.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian rintis dan dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama mengadaptasi kaedah kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan untuk meninjau beberapa penulisan serta kajian lepas berkaitan aspek hubungan etnik dalam kalangan pelajar. Berpandukan dapatan dari tinjauan literatur yang dijalankan, pengalaman interaksi pelajar berlainan etnik di sekolah dijadikan platform dalam membincangkan aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya di kalangan pelajar. Manakala pada peringkat kedua, kajian dijalankan secara kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik untuk mengenalpasti pengalaman interaksi pelajar di sekolah dalam aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya bagi mencerakinkan kaitannya dengan matlamat SDGs.

Pengkaji menjalankan kajian setelah mendapat keizinan bertulis dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu (PPDKK) serta pihak pentadbir sekolah yang terbabit. Seramai 207 orang pelajar pelbagai agama dan etnik di 10 buah sekolah menengah yang ditetapkan terlibat sebagai peserta kajian dari seramai 24,088 orang populasi pelajar di 18 buah sekolah menengah di Kota Kinabalu semasa data diperolehi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Jumlah peserta kajian dikecilkkan kerana persampelan kajian dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*) iaitu pelajar bukan kelas peperiksaan sebagaimana syarat ditetapkan oleh pihak KPM. Oleh itu, pelajar tingkatan empat dipilih kerana pelajar tingkatan empat dianggap telah matang berbanding pelajar tingkatan satu, dua dan tiga. Kriteria yang dibangunkan oleh pengkaji untuk menentukan pemilihan peserta kajian adalah pelajar yang mempunyai keupayaan untuk memberikan maklumat tentang pengalaman interaksi rentas agama dan budaya serta pelajar yang terdiri daripada pelbagai agama dan etnik berpandukan cadangan pihak sekolah. Tujuannya adalah bagi mendapatkan dapatan awal tentang pengalaman hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar.

Item-item soalselidik dibangunkan berdasarkan kajian Ramlee dan rakan-rakan (2009) berkaitan interaksi sosial kepelbagaian pelajar di insitusi pengajian tinggi di Malaysia yang diubahsuai oleh pengkaji berpanduan persoalan dan objektif kajian ini. Soal selidik dalam bentuk ‘google form’ diedarkan kepada pelajar secara talian dengan bantuan para pentadbir sekolah. Data soal selidik yang diperolehi seterusnya dianalisis menggunakan perisian SPSS secara analisis deskriptif.

Tidak dinafikan wujud ruang perbincangan yang besar dalam mengkaji aspek hubungan etnik di sekolah. Justeru bagi memfokuskan kajian ini, beberapa batasan telah dibentuk. Pertamanya, bentuk interaksi pelajar semasa situasi pembelajaran di sekolah mungkin akan berbeza dengan bentuk interaksi semasa berada di luar sekolah. Oleh yang demikian, pengalaman interaksi sesama pelajar akan dikaji dan diperhatikan semasa pelajar berada di persekitaran sekolah sahaja. Kedua, hanya pelajar tingkatan empat yang dilibatkan kerana mereka tidak terlibat dengan peperiksaan awam. Ketiga, kajian hanya akan meninjau pengalaman interaksi pelajar di beberapa buah sekolah menengah terpilih di Kota Kinabalu. Penetapan ini mengambilkira latar belakang serta komposisi pelajar berlainan etnik di Kota Kinabalu sebelum kajian lapangan seterusnya diperluaskan ke daerah lain bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih menyeluruh.

### Dapatan Kajian

#### *Persepsi Pelajar Terhadap Hubungan Etnik Rentas Agama Dan Budaya : Kajian Awal di Kota Kinabalu*

Dalam kajian yang dijalankan, sebanyak 18 item dikemukakan kepada peserta kajian. Pengkaji menggunakan skala persetujuan Likert lima mata untuk mengukur item soal selidik iaitu: (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Kurang Setuju, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Soal selidik ini menggambarkan ukuran perspektif peserta kajian terhadap pengalaman interaksi mereka dalam aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya.

Peserta kajian terdiri dari 58 orang (28.0%) pelajar lelaki dan 149 orang (72.0%) pelajar perempuan. 29 orang (14.0%) pelajar berbangsa Melayu, 43 orang (20.8%) berbangsa Cina, 121 orang (58.5%) adalah Bumiputera Sabah dan 14 orang (6.8%) adalah lain-lain. Tidak ada pelajar yang berbangsa India. Manakala seramai 105 orang (50.7%) pelajar adalah beragama Islam, 83 orang (40.1%) beragama Kristian, 16 orang (7.7%) beragama Buddha dan 3 orang (1.4%) adalah lain-lain.

**Jadual 3: Demografi Peserta Kajian**

Demografi Peserta Kajian		
Jantina	Lelaki	58 (28.0%)
	Perempuan	149 (72.0%)
Etnik	Melayu	29 (14.0%)
	Cina	43 (20.8%)
	India	0 (0%)
	Bumiputera Sabah	121 (58.5%)
	Lain-lain	14 (6.8%)
	Islam	105 (50.7%)

Agama	Kristian	83 (40.1%)
	Buddha	16 (7.7%)
	Lain-lain	3 (1.4%)

Jadual 4 adalah dapatan kajian berpandukan pengalaman interaksi pelajar di beberapa buah sekolah menengah yang memberikan gambaran tentang aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar sekolah.

**Jadual 4: Nilai min setiap item**

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Nilai Min
1	Saya mempunyai rakan-rakan berlainan agama.	2 1.0%	2 1.0%	2 1.0%	40 19.3%	161 77.8%	4.72
2	Saya menghormati kepercayaan rakan-rakan berlainan agama.	0 0%	1 0.5%	1 0.5%	29 14.0%	176 85.0%	4.84
3	Saya sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan agama.	3 1.4%	3 1.4%	24 11.6%	82 39.6%	95 45.9%	4.27
4	Saya tidak kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan berlainan agama apabila memerlukan bantuan.	4 1.9%	0 0%	19 9.2%	46 22.2%	138 66.7%	4.52
5	Saya selesa bergaul dengan rakan-rakan berlainan agama.	0 0%	0 0%	6 2.9%	50 24.2%	151 72.9%	4.70
6	Saya selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan berlainan agama.	0 0%	2 1.0%	5 2.4%	39 18.8%	161 77.8%	4.73
7	Saya selesa membincangkan hal-hal peribadi bersama rakan-rakan berlainan agama.	5 2.4%	6 2.9%	30 14.5%	52 25.1%	114 55.1%	4.28

8	Saya gembira melakukan aktiviti bersama rakan-rakan berlainan agama.	0 0%	0 0%	3 1.4%	39 18.8%	165 79.7%	4.28
9	Saya sedia bekerjasama dengan rakan-rakan berlainan agama dalam sebarang program sekolah.	0 0%	1 0.5%	2 1.0%	41 19.8%	163 78.7%	4.77
10	Saya mempunyai rakan-rakan berlainan budaya.	0 0%	2 1.0%	2 1.0%	44 21.3%	159 76.8%	4.74
11	Saya menghormati kepercayaan rakan-rakan berlainan budaya.	0 0%	1 0.5%	3 1.4%	27 13.0%	176 85.0%	4.83
12	Saya sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan budaya.	1 0.5%	3 1.4%	19 9.2%	57 27.5%	127 61.4%	4.48
13	Saya tidak kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan berlainan budaya apabila memerlukan bantuan.	0 0%	2 1.0%	16 7.7%	52 25.1%	137 66.2%	4.57
14	Saya selesa bergaul dengan rakan-rakan berlainan budaya.	0 0%	1 0.5%	4 1.9%	50 24.2%	152 73.4%	4.71
15	Saya selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan berlainan budaya.	0 0%	1 0.5%	4 1.9%	44 21.3%	158 76.3%	4.73
16	Saya selesa membincangkan hal-hal peribadi bersama	5 2.4%	6 2.9%	28 13.5%	53 25.6%	115 55.6%	4.29

rakan-rakan berlainan budaya.

17	Saya gembira melakukan aktiviti bersama rakan-rakan berlainan budaya.	0 0%	0 0%	3 1.4%	43 20.8%	161 77.8%	4.76
18	Saya sedia bekerjasama dengan rakan-rakan berlainan budaya dalam sebarang program sekolah.	0 0%	0 0%	7 3.4%	37 17.9%	163 78.7%	4.75

Nilai min keseluruhan 4.27

Dapatan dari Jadual 4 menunjukkan item yang mempunyai nilai min tertinggi adalah item ke-2 iaitu ‘Saya menghormati kepercayaan rakan-rakan berlainan agama’ (nilai min 4.84) dan item ke-11 iaitu ‘Saya menghormati kepercayaan rakan-rakan berlainan budaya’ (nilai min 4.82). Manakala item dengan nilai min terendah adalah item ke-3 iaitu ‘Saya sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan agama’ (nilai min 4.27). Namun secara keseluruhannya, semua item yang diutarakan kepada pelajar menunjukkan nilai min yang tinggi dengan nilai keseluruhan min adalah sebanyak 4.27. Apabila disusun mengikut nilai min tertinggi, kedudukan item-item yang diutarakan adalah seperti dalam Jadual 5.

**Jadual 5: Susunan Item Mengikut Keutamaan**

Bil	Item	Nilai Min
1	Saya menghormati kepercayaan rakan-rakan berlainan agama.	4.84
2	Saya menghormati kepercayaan rakan-rakan berlainan budaya.	4.83
3	Saya sedia bekerjasama dengan rakan-rakan berlainan agama dalam sebarang program sekolah.	4.77
4	Saya gembira melakukan aktiviti bersama rakan-rakan berlainan budaya.	4.76
5	Saya sedia bekerjasama dengan rakan-rakan berlainan budaya dalam sebarang program sekolah.	4.75
6	Saya mempunyai rakan-rakan berlainan budaya.	4.74
7	Saya selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan berlainan agama.	4.73
8	Saya selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan berlainan budaya.	4.73
9	Saya mempunyai rakan-rakan berlainan agama.	4.72
10	Saya selesa bergaul dengan rakan-rakan berlainan budaya.	4.71
11	Saya selesa bergaul dengan rakan-rakan berlainan agama.	4.70
12	Saya tidak kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan berlainan budaya apabila memerlukan bantuan.	4.57
13	Saya tidak kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan berlainan agama apabila memerlukan bantuan.	4.52

- |    |                                                                                               |      |
|----|-----------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| 14 | Saya sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan budaya. | 4.48 |
| 15 | Saya selesa membincangkan hal-hal peribadi bersama rakan-rakan berlainan budaya.              | 4.29 |
| 16 | Saya gembira melakukan aktiviti bersama rakan-rakan berlainan agama.                          | 4.28 |
| 17 | Saya selesa membincangkan hal-hal peribadi bersama rakan-rakan berlainan agama.               | 4.28 |
| 18 | Saya sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan agama.  | 4.27 |

Nilai min keseluruhan 4.27

Dapatan kajian rintis ini ternyata memberikan dimensi berbeza dengan kajian literatur yang dijalankan. Hal ini kerana respon yang diberikan oleh para pelajar terhadap semua item yang dikemukakan berhubung aspek menghormati kepercayaan, kerjasama, kebersamaan dan keselesaan dalam pergaulan dengan rakan berlainan agama dan budaya adalah positif dengan nilai min keseluruhan sebanyak 4.27. Seperti yang diketahui, masyarakat Sabah amat dikenali sebagai masyarakat yang toleran dalam menjalin hubungan yang baik antara satu sama lain kerana apabila bercakap tentang kesatuan dalam kepelbagaiannya, maka terbayanglah wajah masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai kepercayaan dan etnik, namun hidup dalam suasana yang harmoni (Abd Hakim & rakan-rakan, 2015). Mengikut statistik yang tercatat dalam Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014 (2015), pada tahun 2010, bilangan penduduk Sabah direkodkan berjumlah seramai 3,206,742 orang dan terdiri daripada 33 kumpulan pribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Walaupun mempunyai kepelbagaian etnik, impak toleransi etnik di kalangan masyarakat (Budi Anto, 2010) serta penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal di sekolah-sekolah di Sabah telah berhasil dalam usaha menggalakkan interaksi etnik bersifat positif yang secara langsung melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai nilai kerjasama dan semangat patriotisme yang tinggi (Sharifah Darmia, 2019).

Kajian yang dijalankan oleh Airen Surayya, Tan dan Noor Banu (2021) terhadap beberapa orang pelajar sekolah di Keningau, Sabah turut membuktikan perkara ini. Dapatan kajian tersebut mendapati pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan masyarakat sekeliling menjadikan pelajar dapat menerima adat kaum lain. Hubungan interaksi pelajar bersama dengan rakan pelbagai budaya tidak terikat melalui satu cara. Sebaliknya hubungan interaksi yang terjalin merupakan proses tindak balas dengan persekitaran yang membentuk pengalaman baru kepada pelajar. Pelajar juga didapati bersifat terbuka dan positif dalam memberikan tindak balas terhadap aktiviti dijalankan. Ia jelas menunjukkan perbezaan budaya tidak menjadi penghalang dan bukan alasan untuk tidak bekerjasama dengan pelajar pelbagai budaya. Pelajar juga bersedia bekerjasama dengan rakan sebaya yang berlainan etnik ketika sesi pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti sekolah. Oleh itu, jelaslah bahawa fabrik sosial masyarakat Sabah yang melangkaui agama dan etnik merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada toleransi yang begitu tinggi dalam kalangan masyarakatnya (Abd Hakim & rakan-rakan, 2015) termasuklah dalam kalangan pelajar. Meskipun dalam kajian ini terdapat 29 orang pelajar etnik Melayu dan 14 orang pelajar etnik lain yang menjadi peserta kajian, pengkaji percaya pelajar-pelajar tersebut telah berasimilasi dengan budaya masyarakat Sabah yang membolehkan mereka memperolehi pengalaman positif dalam aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya di Sabah.

## Cadangan Kajian

Strategi yang berkesan perlu dikenal pasti untuk dilaksanakan bagi mencipta dan merekabentuk ekosistem persekolahan yang mampan seterusnya mampu menangani permasalahan hubungan etnik bagi mencapai matlamat keamanan dan keterangkuman sosial di Malaysia. Daripada perspektif makro, merapatkan hubungan etnik merentasi agama dan budaya perlu menjadi perhatian utama. Pelajar yang berada dalam ruang lingkup pemahaman dan pergaulan etnik sendiri perlu sentiasa diberi galakan untuk meluaskan pergaulan tanpa sebarang tanggapan negatif terhadap pelajar lain. Begitu juga dengan peranan perlu pihak sekolah yang perlu beriringan dengan corak hubungan pelajar multietnik dan multiagama di sekolah. Dalam hal ini, keamanan dan keharmonian masyarakat Sabah yang mampu diadaptasi oleh para pelajar boleh dijadikan platform serta panduan asas. Justeru penulisan ini mencadangkan lebih banyak lagi kajian dijalankan berhubung aspek hubungan etnik rentas dan agama ke arah mencapai matlamat SDGs dalam konteks yang lebih luas dalam bidang pendidikan. Tujuannya adalah agar ia dapat memberi pendedahan kepada masyarakat akan signifikasi hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar demi menghasilkan pendidikan berkualiti dalam institusi persekolahan yang kukuh, mampan, aman serta tenang ke arah mencapai matlamat SDGs.

## Kesimpulan

Sebagai rumusan, hubungan etnik rentas agama dan budaya di sekolah adalah suatu isu penting yang bersifat multidimensi. Ia melibatkan beberapa penyebab utama seperti prasangka, etosentrisme, polarisasi, intergrasi identiti pelbagai dan rasisme. Kesemua perkara ini adalah musuh kepada kemanan sejagat. Justeru, kesemua faktor tersebut perlu diberi perhatian oleh pihak penggubal dasar berkaitan di Malaysia dalam merangka dasar pembangunan SDGs yang lebih holistik dan komprehensif. Meskipun Malaysia belum pernah mencatatkan pertelingkahan etnik yang serius pada peringkat persekolahan, namun asas pembentukan hubungan etnik yang kukuh pada peringkat awal perlu diperkuuhkan agar ia sebat dalam diri pelajar bagi membentuk jati diri sebagai rakyat Malaysia yang cintakan perdamaian dan keharmonian bagi mengelakkan tragedi 13 Mei 1969 berulang kembali.

## Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Geran Skim Dana Khas (Kod Geran : SDK0159-2020) yang dibiayai Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertajuk '*Formulasi Model Hubungan Etnik Rentas Agama dan Budaya Pasca COVID-19 : Kajian di Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Kota Kinabalu dan Kudat*' serta sumbangan pihak Global Academic Excellence (GAE). Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UMS dan GAE yang telah memberi peruntukan dan membiayai penyelidikan ini.

## Rujukan

- Abd Hakim, M., Yusten, K., Saini, A.D, Mohd Sohaimi, E., Dayu, S., Ros Aiza, M.M., Ahmad Tarmizi, T., & Sarjit, S.G. (2015). Memahami sikap masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam di Sabah: Pasca isu larangan menggunakan kalimah Allah. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. 6-7 September 2015.
- Abu Bakar, N., Norlidah, A., & Saedah, S. (2013). National integration in multicultural school setting in Malaysia. *The Malaysian Online Journal of Educational Science*, 1 (1), 20-29.

- Adlina, A.K., Rosfazila, A.R., & Hairol Anuar, M.K. (2018). Kajian kes interaksi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik ke arah pengukuhan integrasi nasional. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3 (3), 131-135.
- Airen Surayya, K.A, Tan, B.P., & Noor Banu, M.N. (2021). Sensitiviti moral melalui interaksi pelajar pelbagai budaya. *Muallim Journal of Social Science and Humanities MJSSH Online*, 5 (2), 41-56.
- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia. (2020). *PLANMalaysia Kompilasi Artikel Ringkas Inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia*.
- Bagci, S.C., Kumashiro, M., Smith, P.K., Blumberg, H., & Rutland, A. (2014). Cross-ethnic friendships: Are they really rare? Evidence from secondary schools around London. *International Journal of Intercultural Relations*, 41, 125-137.
- Brockett, A., Village, A., & Francis, L. J. (2010). Assessing outgroup prejudice among secondary school pupils in northern England Introducing the Outgroup Prejudice Index. *Research in Education*, 83, 67-77.
- Budi Anto, M.T. (2010). Toleransi etnik di Sabah : Analisis terhadap faktor-faktor mempengaruhi keharmonian penduduk di Sabah. *Jurnal MANU*, 16, 67-86.
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014. (2015). Sabah : Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. Diakses dari [http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016\\_1.pdf](http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016_1.pdf).
- Faezy, A., & Asmak A.R. (2020). Menjaga Keamanan Negara Menurut Perspektif Maqāsid Syariah Serta Hubungannya Dengan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals): Kajian Di Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 33-47.
- Finchilescu, G. (2010). Intergroup anxiety in interracial interaction: The role of prejudice and metastereotypes. *Journal of Social Issues*, 66 (2), 334- 351.
- Hardie, H. J., & Tyson, K. (2013). Other people's racism: Race, rednecks and riots in a Southern High School. *Sociology of Education*, 86 (1), 83-102.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020a). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2018 - Garis panduan pelaksanaan amalan harian bagi perpaduan di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia*. Diakses dari <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1937-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-9-tahun-2018-garis-panduan-pelaksanaan-amalan-harian-bagi-perpaduan-di-sekolah-kementerian-pendidikan-malaysia/file>, 24 Okt 2021.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Senarai sekolah*. Diakses dari <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/laporan-dan-statistik/senarai-sekolah>, 18 Dis 2021.
- Mohd Radzi, N. (2012). Interaksi dan hubungan etnik pelajar tingkatan satu: Satu kajian kes. *Disertasi Sarjana (tidak diterbitkan)*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Nazmi, A.H., & Jaffary, A. (2016). Tahap persepsi Muslim dan Non-Muslim mengenai hubungan interaksi antara agama : Kajian tinjauan di negeri Kedah dan Selangor. *Journal of Science and Humanities*, 11 (2), 104-124.
- Najeemah, M.Y. (2006). Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysian secondary schools. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 21, 149-164.
- Najeemah, M.Y. (2012). *Study of social interaction among students of Vision Schools in Malaysia*. *Asian Ethnicity*, 13 (1), 47-73.
- Nazri, M., Fazilah, I., Rozita, I., Rozmel, A. L., Nasrudin, Y., Ahmad Zamri, M., & Hasanah, A.K. (2016). Persepsi pelajar UKM terhadap hubungan etnik di Malaysia. *Al-Hikmah*, 8 (2), 38-59.

- Noor Insyirah, A. B. (2015). Interaksi Sosial Pelajar Pelbagai Etnik Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan. *Disertasi Sarjana (tidak diterbitkan)*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Shela, S., Norizan, R., Muhyamin Hakim, A., & Riki, R. (2019). Integrasi etnik dalam ideologi Pendidikan. *Journal of Techno Social*, 11 (2), 47-54.
- Nur Ayuni Nusaibah, H., & Amir Hasan, D. (2019). Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12, 18-28.
- Ramlee, M., Norzaini, A., Faridah, K., Abdul Razak, A., & Maimun Aqsha, L. (2009). A survey of social interaction among diverse students in Malaysian higher learning institutions. *International Journal of Learner Diversity*, 1 (1), 93-112.
- Segawa, N. (2019). *Ethnic relations at school in Malaysia : Challenges and the prospects of The Student integration Plan for Unity*. Singapore : Palgrave Macmillan.
- Sharifah Darmia, S.A. (2019). Peranan dan cabaran bahasa kebangsaan dalam menyatupadukan pelbagai etnik di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4 (4), 1-9.
- Siti Noor Atikah, M.S, Ahmad Sunawari, L., & Yusri, M.R. (2021). Wacana Isu-isu Keadilan Sosial dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4 (2), 151-161.
- Smith, C. P. (2009). Children speak about interethnic and interracial friendships in the classroom: Lessons for teachers. *Multicultural Education*, 17 (1), 38- 47.
- Suresh Kumar, N. V. (2015). Iklim bilik darjah dan hubungan etnik dalam kalangan murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2 (4), 16-31.
- Suresh Kumar, N. V. (2017). Implikasi budaya dan agama ke atas interaksi antara etnik dalam kalangan murid sekolah di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12 (2), 272-286.
- Suresh Kumar, N. V., & Puvaneswary, M. (2017). Social interaction among multiethnic pupils in Malaysian Vision Schools. *Journal of Human Capital Development*, 10 (2), 37-48.
- United Nation. (2021). *Sustainable Development Goals*. New York: United Nation. Diakses dari <https://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/>
- UNESCO. (2021). *UNESCO and Sustainable Development Goals*. New York: United Nation. Diakses dari <https://en.unesco.org/sdgs>
- Yasmin, A., & Najeemah, M.Y. (2012). Social distance and ethnic boundary among pupils in multiethnic and monoethnic school environment in Malaysia. *Science Journal of Sociology & Anthropology*, 2012 (2), 1-17.
- Yong, H.H., & Ku Hasnita, K.S. (2019). Sikap negatif guru sebagai penghalang kepada pembentukan perpaduan etnik di sekolah. *Akademika*, 89 (1), 149-159.
- Wan Zulkifli, W. H (2021). Penerapan kefahaman nilai interaksi dalam menangani sikap ekstrem ke arah mewujudkan keharmonian hubungan etnik di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (7), 149-170.